



# Usahawan Perlu Ilmu Untuk Berjaya



Nadia Nadzira Mohd Fauzi  
Nur Karl Syarfa Alyaa Hermanto  
Nur Syamimi Qashrina Muhamad Fauzi  
Dr. Rossidi Usop (Supervisor)

## ABSTRAK

Usahawan memainkan peranan penting dalam ekonomi global yang berubah dengan pantas. Untuk menjadi seorang usahawan berjaya dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif, ilmu menjadi asas yang sangat penting. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan ilmu dalam membentuk kejayaan seseorang usahawan. Selain itu, kajian ini untuk mengenal pasti hubungan antara kepentingan ilmu pengetahuan dan kompetensi dengan pencapaian usahawan dalam perniagaan. Akhirnya, kajian ini menekankan bahawa usahawan perlu berusaha untuk terus meningkatkan ilmu dan kompetensi mereka sebagai satu strategi penting untuk mencapai kejayaan dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah.

### LATAR BELAKANG

Usahawan perlu ilmu untuk berjaya dalam perniagaan. Pengetahuan adalah asas penting yang merangkumi pemahaman industri, pengurusan perniagaan, kemahiran pelbagai bidang, inovasi, ketahanan, undang-undang, kemahiran komunikasi, teknologi, analisis risiko, dan pembelajaran berterusan. Dengan ilmu yang kukuh, usahawan dapat membuat keputusan bijak, menghadapi cabaran, dan mengejar peluang dengan keyakinan untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan.

### PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, seringkali kita mendengar pendapat bahawa pendidikan bukanlah elemen utama untuk mencapai kejayaan sebagai seorang usahawan yang berjaya. Menariknya, pandangan ini tidak hanya dipegang oleh rakyat Malaysia biasa, tetapi juga di kalangan usahawan tempatan. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk perspektif dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia perniagaan.

### TINJAUAN LITERATUR

Kebanyakan usahawan-usahawan terkaya di dunia amat gemar membaca. Dengan mengambil contoh beberapa orang usahawan terkemuka dunia seperti Bill Gates berhasil membaca sebanyak 50 buah buku setahun dengan purata sebuah buku seminggu, Mark Zuckerberg mencabar dirinya untuk membaca sebuah buku dalam seminggu sepanjang tahun. Buffett pula membaca setiap hari sebanyak 500 muka surat, manakala Elon Musk orang terkaya di dunia ketika ini membaca lebih daripada 10 jam dalam sehari pada usia mudanya.

### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan memperoleh data melalui temu bual secara mendalam. Seramai empat orang pelajar dari Kelab Usahawan Muda, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Data dianalisis secara manual melalui **kaedah tematik**

### DAPATAN KAJIAN

Informal 1 : Usahawan berjaya mesti dilengkapi dengan **kemahiran kepimpinan dan komunikasi** yang kuat.

Informal 2 : Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk usahawan berjaya, kerana melalui pendidikan, kita dapat memperoleh **pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan**.

Informal 3 : Pendidikan mempunyai pelbagai manfaat terhadap usahawan. Antara manfaatnya, ia membolehkan usahawan untuk mendalami pengetahuan tentang **perniagaan, meningkatkan kemahiran komunikasi** yang penting untuk berinteraksi dengan pelanggan, serta membantu melatih dan **meningkatkan daya ingatan**, selain memupuk **pemikiran kritis dan kreatif**.

Informal 4 : Pendidikan adalah landasan penting kerana ia membuka peluang untuk berbagai pencapaian. Walau bagaimanapun, kesuksesan sebagai usahawan tidak selalu bergantung pada kecemerlangan dalam SPM, tetapi dapat dicapai melalui ilmu dan **kemahiran yang spesifik dalam bidang keusahawanan**.



## INAQ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ( ١١ )

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.